

Calon MIC mesti fasih Bahasa, kata Samy Vellu

KUALA LUMPUR, Rabu — Presiden MIC, Datuk S. Samy Vellu hari ini menegaskan calon-calon parti tersebut mempunyai kaliber yang bertinjan dalam pilihanraya umum akan datang.

Katanya, mereka merupakan profesional yang dapat menguasai Bahasa Malaysia.

Tiada tempat untuk mereka yang hanya mementingkan diri sendiri serta tidak berani mengeluarkan pandangan yang bernas kerana takut menjejaskan kedudukan mereka," tegas beliau.

Datuk Samy Vellu berkata, calon-calonnya mestilah berpelajaran dan fasih dalam Bahasa Malaysia, Inggeris dan Tamil.

"Mereka yang mempunyai ramai penyokong juga perlu fasih dalam Bahasa Malaysia dan Inggeris," ujarnya.

Kreatif

Menurutnya, beliau tidak akan teragak-agak menjadikan Bahasa Malaysia sebagai ujian untuk calon-calon berkebolehan untuk memastikan calon yang sesuai berjaya.

Di samping itu, beliau menegaskan beliau lebih memerlukan mereka yang mengetahui keadaan masyarakat Hindu dan berupaya menekankan hak bangsanya bila-bila masa saja.

Di samping itu, tambahnya, mereka mestilah bersifat kreatif, dapat merancang dan menyusun kerja-kerja serta menggunakan kedudukan mereka untuk kepentingan parti dan masyarakat Hindu.

Panduan

Menurutnya, ramai wakil MIC ketika ini masih memerlukan panduan dari pucuk pimpinan parti dari peringkat atasan dalam mengendalikan hal-hal di peringkat negeri dan cawangan.

Dengan itu, ahli-ahli parti yakin ramai 'muka baru' dalam pilihanraya merebut kerusi negeri berikutan kelayakan yang diperlukan oleh presiden parti tersebut.

Difahamkan, calon yang tidak menjalankan tanggungjawab mereka serta memegang sesuatu jawatan terlalu lama disuruh bersara.